



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA
SUKEU TAHUN PERTAMA 2023**

*INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE INDEX
FIRST QUARTER 2023*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA SUKU PERTAMA 2023
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Indeks Nilai Unit Eksport menurun sebanyak 4.8 peratus pada suku pertama 2023

1. Penurunan indeks nilai unit eksport sebanyak 4.8 peratus dicatatkan pada suku pertama (Q1) 2023, yang mengakibatkan penurunan jumlah nilai eksport sebanyak 12.0 peratus daripada BND4,420.0 juta, kepada BND3,890.0 juta. Ini adalah disumbangkan oleh penurunan pada indeks Bahan Kimia (9.9 peratus), Bahan Api Galian (4.7 peratus) dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (4.4 peratus). Penurunan harga produk-produk tersebut di pasaran dunia adalah diantara faktor utama kepada penurunan indeks nilai unit eksport.

2. Manakala, dari segi indeks volum eksport, penurunan sebanyak 3.3 peratus telah dicatatkan pada Q1 2023, yang mana disebabkan oleh penurunan pada indeks Barang Keluaran Kilang (28.8 peratus), Pelbagai Barang Keluaran Kilang (19.9 peratus) dan Bahan Api Galian (3.0 peratus).

3. Penurunan indeks volum import sebanyak 2.8 peratus dicatatkan pada Q1 2023, yang mengakibatkan penurunan jumlah nilai import sebanyak 12.4 peratus. Penurunan indeks volum import ini adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan pada indeks Barang Keluaran Kilang (16.8 peratus), Bahan Api Galian (16.7 peratus) dan Bahan Galian Yang Tidak Boleh Dimakan (6.9 peratus).

4. Manakala, indeks nilai unit import meningkat sebanyak 0.8 peratus, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan pada indeks Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (11.6 peratus).

5. Terma perdagangan bagi negara telah mencatatkan penurunan sebanyak 5.5 peratus pada Q1 2023, terutamanya didorong oleh penurunan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 14.4 peratus, Bahan Kimia (8.1 peratus) dan Makanan (1.7 peratus). Terma perdagangan adalah ukuran kuasa beli eksport dan import Negara Brunei Darussalam ke luar negara dan dari luar negara di mana terma perdagangan yang lebih tinggi membolehkan negara untuk beli lebih banyak import dengan jumlah yang sama.
6. Indeks Perdagangan Barang Antarabangsa (IMTI) menunjukkan perubahan nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu. Indeks ini juga boleh digunakan dalam menganalisa daya saing negara, mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara. Laporan penuh Indeks Perdagangan Barang Antarabangsa bagi suku tahun pertama 2023 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn/>



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE INDEX FIRST QUARTER 2023
BRUNEI DARUSSALAM**

Exports Unit Value Index fell 4.8 per cent in the first quarter 2023

1. *A fall in the exports unit value index by 4.8 per cent was recorded in Q1 2023, this has contributed to the fall in total exports value by 12.0 per cent from BND4,420.0 million, to BND3,890.0 million. This was mainly contributed by the decrease in index of Chemicals (9.9 per cent), Mineral Fuels (4.7 per cent) and Miscellaneous Manufactured Articles (4.4 per cent). The decrease in the price of these products at the world market was the primary reason of the decline in exports unit value index.*
2. *In terms of exports volume index, a decrease of 3.3 per cent was recorded in Q1 2023, contributed by the decrease in index of Manufactured Goods (28.8 per cent), Miscellaneous Manufactured Articles (19.9 per cent) and Mineral Fuels (3.0 per cent).*
3. *A fall in the imports volume index by 2.8 per cent was recorded in Q1 2023, which has resulted to the fall in total imports value by 12.4 per cent from BND2,569.7 million to BND2,252.0 million. The decrease in the imports volume index was mainly contributed by the decrease in index of Manufactured Goods (16.8 per cent), Mineral Fuels (16.7 per cent) and Crude Materials Inedible (6.9 per cent).*
4. *Meanwhile, the import unit value index registered an increase of 0.8 per cent, which was contributed mainly by the increase in the index of Machinery and Transport Equipment (11.6 per cent).*

5. *The terms of trade, registered a decrease of 5.5 per cent in Q1 2023. This was mainly contributed by the decrease in the index for Machinery and Transport Equipment at 14.4 per cent, Chemicals (8.1 per cent) and Food (1.7 per cent). Terms of trade is a measure of the purchasing power of Brunei Darussalam's exports and imports to and from abroad whereas a higher terms of trade means that a country can buy more imports with the same amount of exports.*

6. *International Merchandise Trade Index (IMTI) measures the changes of unit value and volume of import and export commodities in Brunei Darussalam within a specific period of time. The index can also be used in the analysis of competitiveness, measurement and forecasting of inflation and compilation of national accounts. The full report of International Merchandise Trade Index first quarter 2023 is available from DEPS's website at <https://deps.mofe.gov.bn/>*